



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 9 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PELAN REFORMASI NAFAS FOKUS PERKUKUH TADBIR URUS, NASIONAL, SINAR HARIAN - 7	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
2.	MEREMAJAKAN SEKTOR PERTANIAN PERLU KESUNGGUHAN, SUARA SINAR, SINAR HARIAN – 12	LAIN-LAIN
3.	NANAS MD2, MUKA HADAPAN, UTUSAN MALAYSIA – 1	
4.	SINGAPOREANS FLOCKING TO JOHOR FOR DURIAN FEASTS, NATION, THE STAR – 3	
5.	TEKAD DR MALAR – GALAKKAN ANAK MUDA SERTAI BIDANG SAINS BIOVETERINAR YANG MASIH PERLUKAN TENAGA BARU, WANITA & MASKULIN, HARIAN METRO – 34 & 35	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/7/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

Pelan Reformasi NAFAS fokus perkukuh tadbir urus

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

Tumpuan kepada pulangan dan keberkesanan komuniti peladang

Oleh NORAFIDAH ASSAN
KUALA LUMPUR



HADZIR



NAFAS memiliki kapasiti dan kekuatan tersendiri untuk terus menjadi peneraju dalam industri baja negara.

“

Selepas lebih 50 tahun diberi mandat mengurus subsidi seperti baja, input dan benih, sudah tiba masanya NAFAS memperkukuh keupayaan agar terus menjadi peneraju utama dalam penyampaian bantuan kepada peladang secara lebih cekap dan berkesan, sejajar dengan cabaran pasaran semasa.”

- HADZIR

Pelan reformasi terhadap Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh tadbir urus dan menyusun semula kecekapan sistem penyampaian bagi menjamin keberkesanan perannya kepada komuniti peladang di seluruh negara.

Ahli Majlis Penasihat (COA) NAFAS, Datuk Hadzir Md Zain berkata, langkah tersebut dilihat penting agar NAFAS kekal relevan dan terus menjadi institusi utama yang mendukung pembangunan sektor pertanian nasional.

“Selepas lebih 50 tahun diberi mandat mengurus subsidi seperti baja, input dan benih, sudah tiba masanya NAFAS memperkukuh keupayaan agar terus menjadi peneraju utama dalam penyampaian bantuan kepada peladang secara lebih cekap dan berkesan, sejajar dengan cabaran pasaran semasa,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), di sini pada Selasa.

Menurutnya, COA yang dilantik sepanjang tempoh penggantian itu berperanan menyokong proses pembaharuan organisasi secara strategik, termasuk memberi nasihat hala tuju baharu, memantau pematuan tadbir urus serta menjadi penghubung profesional antara NAFAS dan agensi berkaitan.

Hadzir menegaskan, reformasi yang sedang dilaksanakan memberi tumpuan kepada penambahbaikan dalam pelaksanaan program agar lebih tersusun, mampan dan memberi kesan langsung kepada peladang.

“Penambahbaikan ini penting supaya setiap inisiatif dan perbelanjaan yang dilaksanakan benar-benar memberi pulangan terbaik kepada peladang serta memperkukuh peranan NAFAS dalam ekosistem pertanian negara,” katanya.

Beliau turut menekankan pentingnya pelantikan dan kenaikan pangkat dalam organisasi dibuat secara telus dan berasaskan merit bagi memastikan pengurusan yang lebih profesional dan bertanggungjawab.

Operasi kekal lancar, komitmen tidak terjejas

Mengulas mengenai status semasa NAFAS, Hadzir menjelaskan bahawa meskipun pertubuhan itu sedang melalui tempoh penggantian bagi tujuan penambahbaikan tadbir urus, operasi harian organisasi tetap berjalan seperti biasa dan tidak menjejaskan komitmen terhadap peladang di seluruh negara.

“Panel Pentadbir telah mengambil alih fungsi pentadbiran secara interim dan semua urusan pengurusan, termasuk pengagihan subsidi, berjalan dengan lancar seperti yang dijadualkan. Pelaksanaan di lapangan kekal tersusun, dan NAFAS terus komited memastikan tiada gangguan kepada bantuan yang disalurkan kepada peladang,” katanya.

Menurutnya, NAFAS memiliki kapasiti dan kekuatan tersendiri untuk terus menjadi peneraju dalam industri baja negara, khususnya bagi menyokong pelaksanaan skim subsidi baja padi.

“Kami ada kilang baja berkapasiti 300,000 metrik tan setahun, jaringan logistik yang tersusun serta sokongan rantaian Pertubuhan Peladang yang berperanan sebagai stokis dan

penghubung di peringkat akar umbi,” katanya.

Beliau berkata, gabungan kekuatan ini membuktikan NAFAS bukan sahaja mampu melaksanakan amanah yang diberikan, malah layak untuk terus diberi kepercayaan sebagai penyelaras utama dalam program baja subsidi negara.

Reformasi demi masa depan

Hadzir menegaskan, reformasi yang sedang dilaksanakan bukan bertujuan menghukum mana-mana pihak, sebaliknya sebagai langkah pembetulan untuk memperkukuh struktur organisasi agar NAFAS kekal mampan, berdaya saing dan relevan dengan keperluan semasa.

“Sudah tiba masanya kita bergerak ke hadapan dengan kekuatan sendiri, sambil terus menyokong dasar kerajaan. NAFAS perlu tampil lebih yakin, berdikari dan bersedia membuktikan keupayaannya sebagai organisasi yang mampu membawa manfaat jangka panjang kepada peladang dan negara,” katanya.

Beliau berkata, sudah tiba masa untuk pertubuhan peladang bangkit dengan semangat baharu lebih bersedia menerima perubahan, lebih terbuka kepada sistem kerja yang telus dan lebih cekap dalam mengurus sumber serta peluang yang ada.

“Jika kita benar-benar mahu peladang mendapat manfaat berpanjangan, kita mesti berani berubah. Reformasi ini adalah langkah ke hadapan demi masa depan peladang dan kelangsungan pertanian negara,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/7/2025	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	12

Meremajakan sektor pertanian perlu kesungguhan

SEKURITI makanan dan industri pertanian saling berkait rapat.

Pun begitu, laporan Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendedahkan hampir separuh daripada petani di negara ini terdiri daripada golongan yang berusia 60 tahun ke atas, suatu dapatan yang membimbangkan.

Walaupun golongan warga emas ini akan terus memerah kudrat mereka untuk bertani, struktur demografi pengusaha pertanian dalam negara yang semakin menua memberi gambaran awal tentang keperluan mendesak meremajakan sektor ini.

Kebimbangan ini turut disuarakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, yang menyifatkan hal ini berlaku kerana generasi muda kurang berminat menyertai sektor pertanian.

Walaupun sektor pertanian menjanjikan pulangan lumayan sekiranya dilakukan dengan sistematis dengan ilmu-ilmu pertanian moden, ramai dalam kalangan anak muda masih terperangkap dengan persepsi salah tentang pertanian dan selesa memilih untuk makan gaji.

Anak muda pada hari ini masih menganggap pertanian adalah pekerjaan kotor, berat, memenatkan malah berisiko dan tidak menguntungkan.

Malah mereka jua merasakan ia bidang yang sukar diceburi kerana akses kepada tanah dan modal yang terhad. Untuk memulakan projek pertanian moden, sudah semestinya memerlukan modal yang agak besar dan hal ini tidak mudah dijayakan tanpa sokongan.

Selain mengubah mentaliti bahawa pertanian bukanlah tentang pekerjaan berpanas di bawah terik mentari, paling penting adalah bagaimana kerajaan dan institusi berkaitan berperanan dalam memberi galakan dan sokongan yang sebenar kepada anak muda kita untuk berkecimpung dalam pertanian moden.

Ya benar, kerajaan perlu bertindak lebih agresif. Bukan sekadar kempen bermusim, tetapi pelan tindakan jangka panjang yang mampu mengubah persepsi dan realiti. Kita tidak boleh membiarkan petani tua terus memerah kudrat sendirian sementara ada anak muda kita yang masih menganggur kerana terlalu memilih pekerjaan.

Tekankan kepada anak muda kita, pertanian adalah tentang teknologi, keusahawanan dan inovasi dan jangan lupa, sokong mereka dengan akses kepada tanah, modal permulaan, latihan serta jaminan pasaran.

Jika kita benar-benar serius mahu jaga perut rakyat, maka kita perlu pastikan ladang dan sawah tidak dibiarkan kosong satu hari nanti.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA HADAPAN	1



Nanas MD2

PELAJAR Tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Chalok, Nurul Huda Roslan, 17, mengisi masa lapang cuti hujung minggu dengan menolong ibunya berniaga nanas MD2 premium yang dijual pada harga RM3 hingga RM6 sebiji di tepi jalan di Kampung Chalok Kedai, Permaisuri, Setiu, Terengganu, kelmarin. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

Singaporeans flocking to Johor for durian feasts

By MYSARA FAUZI
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: Two months after Singapore's general election, durian businesses in Johor are drawing a steady crowd of visitors from across the Causeway.

This post-election trend is a consistent revenue booster for the state, according to Johor Tourist Guides Association chairman Jimmy Leong.

"It is usual for Singaporeans to go on durian tours every year, but the number of groups goes up by about 30% after an election in the island republic," he said.

Leong said these durian tours are a popular way for Singaporean MPs to express gratitude to their communities and party members for their election support.

"Each group could comprise as many as eight to 10 buses," Leong added.

For instance, Jalan Kayu MP Ng Chee Meng recently promoted a "Musang King durian tour to Johor Baru" on Facebook.

The S\$110 (RM364) day tour included transport, an all-you-can-eat Musang King lunch, and an eight-course dinner.

"Back by popular demand! You asked and we listened, so let's go get some durians," he wrote.

A Singaporean mother of three, Nina Farah Ain Borhan, said she had seen such durian tours being organised by a Singapore political representative.

"There are posters displayed next to the lift lobby (of my residential building)," she said, adding that she had not participated in it.

"But I do travel to Johor myself frequently for durians," said the 31-year-old.



Durian for days: Locals and Singaporeans choosing and buying durians at a stall near a mall in Johor Baru.

Durian seller John Chew, 60, said the durian season began early this month, and since then, business has picked up significantly, especially over the week-ends.

"Singaporeans make up about half of our customers," said Chew, who runs a stall near a mall here. He said that Musang King remains Singaporeans' top choice, although Malaysia has around 200 durian varieties.

"The prices vary depending on the grade. Grade A can go for RM60 per kilogramme, while grade B ranges from RM30 to RM40," he said.

Durian seller Mohamad Amirudin Tono, 22, also reported brisk sales, particularly during week-ends, with customers arriving from all over the country and Singapore.

"The price of the fruit has also been going down this season."

"This has helped attract more customers," he said.

A durian supplier in Pontian, who only wanted to be known as Tok, said demand has been so high he sometimes needs to source from other suppliers to meet orders.

"I also have customers from Singapore arriving in tour buses to my orchard," he said.

Singaporean Wendy Chua, 42, who was spotted enjoying durian

at a stall here, said, "This is probably our second or third time eating durian here. There are some durian varieties available in Johor that are hard to find in Singapore, which makes the experience worthwhile."

However, the rising prices over the years did not deter Singaporeans, she said.

"We would come for the variety and the overall experience," Chua added.

TARIKH

9/7/2025

MEDIA

THE STAR

RUANGAN

NATION

MUKA
SURAT

3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/7/2025	HARIAN METRO	WANITA & MASKULIN	34



TEKAD DR MALAIKA

Galakkan anak muda sertai bidang sains bioveterinar yang masih perlukan tenaga baharu

PENGALAMAN dalam bioveterinar menggalakkan ilmu perubatan seperti anatomi, fisiologi, mikrobiologi dan patologi, bersama pengetahuan dalam penjagaan serta pengurusan haiwan.



FOKUS
Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@mediaprima.com.my

Dikellungi pelbagai spesies haiwan peliharaan sejak kecil menjadi pencetus minat kepada Profesor Dr Malaika Watanabe untuk menceburi bidang perubatan veterinar. Apatah lagi ibu kesayangan beliau juga seorang yang gemar memelihara haiwan dan keluarganya pernah membela anab, hamster, ikan, kambing, kucing serta ayam.

Menurut Dr Malaika, semua faktor itu mendorong beliau menceburi bidang berkenaan untuk membantu haiwan.

"Kata Dr Malaika, sejak kecil beliau sudah memasang impian untuk membantu haiwan dan disebabkan itulah memilih profesion dalam bidang itu.

"Kerjaya ini membolehkan saya berbuat demikian dan bersyukur kerana apabila disuarakan, ibu bapa tidak membantah serta sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi.

"Selepas berkahwin, minat itu turut dikongsi anak yang kini mempunyai koleksi kumbangnya sendiri," katanya kepada Harian Metro.

Berasal dari Jepun, Dr Malaika melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan Veterinar (DVM) di Universiti Putra Malaysia (UPM) sebelum menyambung Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di United Graduate School of Veterinary Science, Universiti Yamaguchi, Jepun.

Wanita berusia 46 tahun itu kini menggalas jawatan sebagai Dekan Fakulti Perubatan Veterinar di Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU).

Dr Malaika berkata, bagi kebanyakan orang, kesihatan haiwan biasanya hanya dikaitkan dengan doktor haiwan, iaitu individu yang merawat haiwan peliharaan apabila ia sakit.

Namun, bagaimana pula dengan bidang sains bioveterinar?



Dr Malaika kini menggalas jawatan sebagai Dekan Fakulti Perubatan Veterinar di Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU).

FOTO: IHSAN IMU UNIVERSITY

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/7/2025	HARIAN METRO	WANITA & MASKULIN	35



BIDANG bioveterinar memberi tumpuan kepada enam spesies utama iaitu unggun, kucing, kuda, lembu, kambing/biri-biri, ayam dan babi, yang merangkumi haiwan peliharaan serta ternakan.



INGIN membantu haiwan mendorong Dr Malaika memilih profesion dalam bidang itu.

Bidang itu sebenarnya membuka pintu kepada pelbagai kerjaya kerana kesihatan dan kebajikan manusia serta haiwan saling berkait dalam banyak cara

DR MALAIKA

daripada kekurangan peluang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang ini kerana ketika ini hanya terdapat dua universiti sahaja yang menawarkan ijazah perubatan veterinar di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, bekerja dengan haiwan terutamanya dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan, boleh menjadi sesuatu yang mencabar.

Ini kerana, anda akan terdedah kepada pelbagai persekitaran seperti klinik veterinar, ladang ayam, kandang kuda dan tempat yang mungkin tidak selesa, bukan

sekadar bermain dengan haiwan peliharaan yang comel.

Justeru, adalah penting untuk memahami realiti sebenar bidang itu kerana hanya minat dan rasa kasih sayang mendalam terhadap haiwan akan menjadi sumber kekuatan untuk terus bertahan.

Dalam pada itu, walaupun sibuk dengan tugas seharian, namun Dr Malaika sedaya upaya berusaha membahagikan masa antara keluarga dan kerjaya dengan sebaiknya.

Ibu kepada tiga anak itu mengakui waktu lapangnya agak terhad dan masa terluang yang ada akan dihabiskan bersama keluarga.

"Menguruskan keluarga, anak-anak dan kerjaya memerlukan banyak komitmen dari segi pengurusan masa, namun jika ada peluang, saya gemar membaca," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya adakah impian beliau lain yang belum tercapai, Dr Malaika mengakui beliau bertuah kerana kebanyakan cita-citanya sudah berjaya dicapai.

"Hanya satu yang tinggal iaitu untuk melihat program Doktor Perubatan Veterinar (DVM) berjaya dilancarkan di Universiti IMU dan saya sendiri dapat mengetahuinya," katanya mengakhiri perbualan.

Menurut Dr Malaika, bidang sains bioveterinar sudah lama berkembang di banyak negara.

Namun ia masih agak baharu di Malaysia dan pengajiannya pula hanya ditawarkan di beberapa universiti sahaja.

Pengajian bidang berkenaan menggabungkan ilmu perubatan seperti anatomi, fisiologi,

mikrobiologi dan patologi, bersama pengetahuan dalam penjagaan serta pengurusan haiwan.

Katanya, bidang itu sebenarnya membuka pintu kepada pelbagai kerjaya kerana kesihatan dan kebajikan manusia serta haiwan saling berkait dalam banyak cara.

Umumnya, bidang itu memberi tumpuan kepada

enam spesies utama iaitu anjing, kucing, kuda, lembu, kambing/biri-biri, ayam dan babi, yang merangkumi haiwan peliharaan serta ternakan.

Dr Malaika berkata, graduan sains bioveterinar boleh memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat profesional sebagai doktor haiwan.

"Pada masa ini, Malaysia hanya

mempunyai sekitar 3,000 orang doktor haiwan sahaja, sedangkan keperluan sebenar dianggarkan sekurang-kurangnya 6,000 orang.

"Ia bukan disebabkan kurangnya minat kerana permintaan daripada pelajar untuk menyambung pengajian dalam bidang ini semakin meningkat.

"Tapi, ia berpunca